

# 5

## **MEMUPUK KEMAHIRAN BERTUTUR MELALUI PENGGUNAAN PENYUSUN GRAFIK DAN RUBRIK**

Asmidah Mohd Jailani  
Hajjah Marzia Abdul Rahman

Sekolah Rendah Fuchun

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan penggunaan penyusun grafik dan rubrik bagi memupuk kemahiran bertutur murid-murid. Kumpulan sasaran ialah murid-murid Darjah 2 Kumpulan Tahap 3 untuk sesi Unjuk dan Ujar. Aktiviti berkongsi pengalaman, sumbang saran dan perancahan telah dijalankan untuk menggalakkan dan membantu murid bertutur dengan lebih yakin dan baik. Perubahan sikap terhadap pembelajaran dapat dilihat dalam pelibatan aktif murid. Aktiviti yang diperkenalkan ini dapat merangsang dan menjana idea serta pendapat murid. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam prestasi murid sebanyak 39% setelah kaedah pembelajaran dijalankan. Murid lebih yakin dan lebih bersedia untuk ke hadapan serta melibatkan diri secara aktif semasa mengikuti sesi Unjuk dan Ujar.

## **Pengenalan**

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memupuk kecekapan abad ke-21 termasuklah memupuk kemahiran bertutur. Kemahiran bertutur amat penting dalam kehidupan seharian untuk berhubung antara satu sama lain. Di samping itu, kemahiran bertutur juga penting untuk tujuan menyampaikan maklumat dengan jelas dan berkesan.

Untuk membantu guru menjalankan tugas mereka sebagai seorang pendidik, uji kaji dan renungan dijalankan untuk mencari pelbagai alat pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Kajian ini dijalankan untuk membantu murid menjadi seorang yang yakin diri dan mempunyai semangat belajar secara kendiri. Melalui kajian ini, diharapkan agar proses pembelajaran akan lebih berkesan. Murid Darjah 2 Kumpulan Tahap 3 didapati kurang memberikan maklumat mengenai topik yang diberikan semasa sesi Unjuk dan Ujar. Murid juga tidak dapat bertutur menggunakan ayat yang lengkap dan standard semasa sesi tersebut. Untuk mengatasi masalah ini, guru menyediakan sesi latihan untuk murid-murid ini.

Penyusun grafik merupakan salah satu alat yang dapat meningkatkan proses pembelajaran murid sambil membantu meningkatkan kemahiran bertutur murid. Oleh itu diharapkan murid dapat merancah dan menyusun idea serta melatih diri agar lebih yakin dan bersemangat untuk menjalani sesi Unjuk dan Ujar.

## **Kajian Lepas**

Menurut Bromley, Irwin-De Vitis dan Marcia Modlo (1995), penyusun grafik telah ditakrifkan sebagai cara untuk menstrukturkan maklumat, menyusun aspek penting sesebuah konsep atau tajuk kepada pola dengan menggunakan label. Ini

bermaksud penyusun grafik dapat memudahkan murid memahami dan menambahkan maklumat kerana penyusun grafik berbentuk visual dan ada kaitan antara satu sama lain. Maklumat yang diperoleh juga mudah diingat dan kekal lebih lama di dalam memori kerana penglibatan murid dalam pemerolehan maklumat tersebut.

Penggunaan penyusun grafik membantu murid memahami sesuatu perkara dengan lebih tersusun. Menurut Dunston (1992), murid dapat memahami perkara yang dipelajari dengan lebih baik kerana penyusun grafik membantu murid memahami kaitan dan urutan sesuatu idea yang dibincangkan secara tersusun. Menurut Kenneth Wolf dan Ellen Stevens (2007) pula, penggunaan rubrik terbukti dapat merangsang dan membantu pembelajaran dalam bilik darjah. Penggunaan penyusun grafik dan rubrik merangsang pembelajaran. Murid bukan sahaja terangsang untuk melengkapkan sesuatu yang mudah difahami tetapi juga dapat memperbaiki diri mereka kerana mereka faham akan keperluan objektif pembelajaran.

Menurut Moss dan Brookhart (2009) pula, proses pembelajaran perlu ada kerjasama antara guru dengan murid. Guru dan murid dapat mencapai objektif pembelajaran dengan sentiasa mengumpul bukti pembelajaran untuk memperbaik tahap pencapaian. Soalan-soalan seperti ‘Ke manakah saya hendak pergi?’, ‘Di manakah saya sekarang?’ dan ‘Cara apakah yang boleh membantu saya menuju ke tahap yang diinginkan?’ merupakan soalan-soalan panduan bagi menjalani proses pembelajaran kendiri.

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. menilai keberkesanannya penyusun grafik dan rubrik dalam membantu murid memupuk keyakinan diri bagi kemahiran lisan mereka; dan
2. meneliti keberkesanannya penyusun grafik dan rubrik dalam meningkatkan kemahiran bertutur murid.

## **Permasalahan**

Pada awalnya, murid menghadapi masalah untuk bertutur semasa sesi Unjuk dan Ujar. Murid rasa dipaksa dan malu untuk berdiri di hadapan kelas. Perasaan ini wujud kerana kosa kata mereka terhad dan mereka tidak yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Murid juga tiada pengalaman bertutur dalam situasi di mana mereka perlu berdiri di hadapan kelas untuk bercerita mengenai sesuatu. Mereka hanya mampu bertutur menggunakan kurang daripada lima ayat dan hanya mampu menggunakan ayat-ayat tunggal dalam perbualan mereka. Walaupun lebih banyak masa telah diperuntukkan bagi latihan, murid masih gagal mencapai objektif yang diinginkan.

## **Kaedah Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan analisis kuantitatif dan kualitatif. Seramai 17 orang murid Darjah 2 Kumpulan Tahap 3 yang terlibat dalam kajian ini. Pada keseluruhannya, murid agak lemah dalam kosa kata dan pembentukan ayat dalam pertuturan. Kajian ini diharapkan dapat membantu murid memupuk keyakinan diri dalam pertuturan. Kajian ini telah dijalankan selama empat minggu dalam Penggal ketiga dan setiap latihan mengambil masa selama setengah jam.

## **Instrumen Kajian**

Penyusun grafik dan rubrik penilaian dipilih sebagai alat atau instrumen kajian. Alat ini digunakan untuk membantu

murid dalam mempersiapkan diri mereka menjalani sesi Unjuk dan Ujar.

### Prosedur Kajian

Langkah pertama dalam kajian ini adalah mengenalkan murid kepada gambar mainan yang dipilih oleh guru. Murid diajak menyumbang saran mengenai gambar mainan tersebut. Murid memberikan butiran mengenai rupa dan sifat gambar mainan tersebut dengan menggunakan panca indera mereka. Lembaran berita yang digunakan disisipkan dengan gambar agar dapat membantu murid yang kurang mahir membaca. Guru memberi bimbingan kepada murid cara-cara mengisikan penyusun grafik dengan butiran yang disumbangkan oleh murid.

Seterusnya, murid diberi templat penyusun grafik yang harus diisi. Murid perlu melukiskan gambar mainan yang hendak mereka ceritakan. Kemudian, murid mengisi penyusun grafik dengan maklumat tentang permainan yang dipilih. Penyusun grafik dilengkapi dengan soalan bantuan agar dapat merangsang idea dan memudahkan proses berfikir murid. Murid yang lemah diberi latihan yang mengandungi kosa kata sebagai pilihan dan mereka hanya perlu membulatkan kosa kata yang hendak digunakan. Murid yang lain juga boleh menambah kosa kata semasa berbincang dengan rakan.

Murid kemudiannya dikenalkan dengan proses penilaian rakan. Guru menerangkan cara rubrik penilaian digunakan. Murid diajar menilai pertuturan rakan dari segi kelancaran, bahasa yang digunakan, gaya dan isi cerita. Murid juga ditunjukkan contoh klip video Unjuk dan Ujar tentang bagaimana mencapai tahap bertutur yang baik. Murid kemudiannya dipasangkan dengan murid lain agar latihan penilaian dapat dijalankan. Secara berpasangan murid memainkan peranan sebagai murid yang dinilai dan murid yang menilai. Peranan ini ditukar selepas tiga minit.

Murid kemudiannya mula bertutur dengan rakan mereka. Rakan yang menilai akan mengira jumlah ayat yang ditutur oleh rakannya. Rakan tersebut akan meletakkan tanda pada rajah bintang untuk memudahkan mereka mengira ayat yang didengar. Murid yang menilai diberikan tanggungjawab untuk mendengar dengan teliti semasa rakannya sedang bertutur. Rakan yang bertutur pula rasa bersemangat untuk bertutur seberapa banyak ayat yang boleh kerana mereka tahu bahawa rakan mereka sedang mendengar dan mereka sedang dinilai. Penilaian itu pula akan dicatatkan pada rajah bintang dan mereka akan diberikan rajah tersebut sebagai maklum balas.

Semasa murid bertutur bersama rakan, guru akan memantau dan memberi maklum balas. Guru juga mengenal pasti murid yang dapat dijadikan contoh. Murid tersebut akan membuat persembahan di hadapan kelas. Murid lain akan menilai rakan mereka dan dengan tidak secara langsung memberikan murid gambaran mengenai tahap yang harus mereka capai dan apa yang harus mereka lakukan semasa menjalani sesi Unjuk dan Ujar.

Sejajar dengan saranan Kementerian Pendidikan Singapura yang mahukan murid-murid berkembang secara holistik, penggunaan penyusun grafik dan rubrik penilaian dapat memupuk keyakinan murid dan juga kemahiran-kemahiran yang hendak dicapai dalam rangka pengajaran dan pembelajaran abad ke-21.

## Dapatan Kajian

Data dikumpul daripada borang rubrik yang diisikan oleh murid dan penilaian yang guru lakukan. Dapatan kajian menunjukkan ada peningkatan dari segi keyakinan murid semasa menjalani sesi Unjuk dan Ujar. Seramai 71.3% pelajar telah berjaya bertutur sebanyak 3 hingga 5 ayat berbanding dengan hanya 33.3% pada awalnya. Ini merupakan

pencapaian yang agak besar memandangkan murid yang terlibat dalam kajian ini berada di Tahap Tiga. Penyusun grafik telah membantu murid untuk mengenal pasti isi penting dan hubungan antara isi penting dengan tugas mereka.

Dapatan ini selaras dengan pandangan Gagnon & Maccini (2000) yang menyatakan bahawa murid yang mempunyai kepayahan dalam pelajaran memerlukan strategi untuk membantu mereka mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Mereka memerlukan bantuan tambahan agar dapat mengenal pasti isi penting dan belajar menyusun informasi. Menurut Dye (2000) pula, informasi yang tersusun memudahkan pelajar menyimpan dan mengingat kembali pengetahuan yang dipelajari. Penyusun grafik memberikan sokongan pembelajaran kepada murid kerana murid dapat menambah pengetahuan baharu dan mengulang kaji pengetahuan yang sedia ada.

Penggunaan rubrik amat berfaedah dalam memberikan keyakinan diri pada murid. Dengan penggunaan rubrik, guru dan murid dapat memberikan fokus kepada objektif yang hendak dicapai. Penggunaan rubrik juga dapat menggalakkan komunikasi antara murid yang menilai dan yang dinilai, dan antara murid dengan guru. Penggunaan rubrik telah membantu guru mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid. Rubrik telah membantu murid mengenal pasti objektif yang hendak dicapai dan menggunakan maklum balas guru agar dapat membaiki tahap mereka.

Murid didapati tidak sabar hendak bertutur semasa sesi Unjuk dan Ujar setelah melalui proses pembelajaran yang lebih terarah berbanding dengan pembelajaran di peringkat awal. Ini disebabkan murid rasa tidak terancam oleh rakan atau guru. Murid juga yakin bahawa mereka dapat bertutur di hadapan rakan-rakan dan tahu bahawa persembahan mereka akan didengar dan dinilai oleh rakan dan penilaian dijalankan demi kebaikan murid.

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, penggunaan penyusun grafik banyak membantu murid dalam menyusun idea semasa aktiviti Unjuk dan Ujar. Murid yang terlupa untuk membawa barang majud untuk sesi Unjuk dan Ujar juga tidak akan berasa gementar kerana mereka dapat menggunakan penyusun grafik mereka yang mempunyai lukisan barang yang hendak dituturkan. Ini memberi semangat dan keyakinan kepada murid untuk maju ke hadapan bagi menjalani sesi tersebut.

Latihan menilai rakan juga memberikan keyakinan kepada murid kerana aktiviti tersebut dapat melatih murid bertutur dengan yakin di hadapan rakan. Dengan mengadakan latihan sebegini, murid tidak berasa kekok semasa bertutur di hadapan kelas. Latihan ini juga memberikan manfaat kepada rakan yang menilai kerana mereka mendapat idea dan kosa kata yang baharu semasa mendengar dan menilai rakan mereka. Cara belajar begini telah memberikan keyakinan kepada murid. Murid juga tidak berasa diri mereka ditertawakan oleh rakan kerana mereka sedang berlatih. Keadaan kelas yang sebegini juga dapat meningkatkan keyakinan murid semasa menjalani sesi Unjuk dan Ujar.

Penyusun grafik juga dapat merangsang tahap keyakinan murid dan membantu murid untuk merancang dan menyusun idea mereka. Rubrik penilaian pula telah memberikan murid gambaran akan tahap dan hasil yang harus mereka capai. Rubrik juga membantu murid mencapai tahap yang mereka inginkan. Murid bukan sahaja dapat membantu diri sendiri dalam meningkatkan pencapaian, tetapi dengan secara tidak langsung, membantu rakan mereka mencapai tahap yang diinginkan.

Oleh sebab terdapat kesan yang positif terhadap penggunaan penyusun grafik dan rubrik dalam pembelajaran, kajian ini telah dilanjutkan untuk murid yang lain. Murid Darjah

5 & 6 telah diperdengarkan audio perbualan bergambar agar dapat memberikan lakaran kecemerlangan yang harus pelajar capai. Murid diberikan rubrik dan maklum balas agar dapat memperbaik tahap kecemerlangan mereka. Suasana bilik darjah yang tidak mengancam membolehkan pelajar berkongsi dan memberikan pendapat mereka mengenai tahap kecekapan rakan-rakan mereka. Sikap belajar secara kendiri dan kemahiran berkomunikasi inilah yang ingin dilihat dalam diri murid, sesuai dengan kemahiran abad ke-21.

## Rujukan

- Bromley, K., Devitis, L. dan Modlo, Mreidy (1995). *Texts & Books: Graphic Organizers – Visual Strategies for Active Learning*. USA: Scholastic Inc.
- Connie M. Moss dan Susan M. Brookhart (2009). *Advancing Formative Assessment in Every Classroom, a Guide for Instructional Leaders*. USA: ASCD
- Dunston, P.J. (1992). A Critique of graphic organizer research. *Reading Research and Instruction*. 31(2), 57-65.
- Dye (2000). *Graphic Organisers to The Rescue! Helping Students Link and Remember Information' in Teaching Exceptional Children*. USA.
- Gagnon dan Maccini (2000). ‘Best Practices for Teaching Mathematics to Secondary Students with Special Needs. Implications from Teacher Perceptions and a Review of Literature!’ in *Focus on Exceptional children*.USA.
- Irwin-De Vitis dan Marcia Modlo (1995). *Graphic Organisers: Strategic for Authentic Learning’ in Scholastic Professional Books*. New York.

Jennifer Stepanek, Gary Appel, Melinda Leong, Michelle Turner Mangan & Mark Mitchell (2007). *Leading Lesson Study*. Corwin Press.

Kenneth Wolff dan Ellen Stevens (2007) The Role of Rubrics in Advancing and Assessing Student Learning in *The Journal of Effective Teaching*, Vol. 7, No. 1, 2007 3-14

Mentoring Minds – The Critical Thinking Source  
<http://www.mentoringminds.com/graphic-organizers.php>

Moss dan Brookhart (2009). *Advancing Formative Assessment in Every Classroom: A Guide for Instrumental Leaders*. Associations for Supervision and Curriculum Development. USA.